



PERJANJIAN PENYELIDIKAN

PERJANJIAN PENYELIDIKAN ini dibuat pada haribulan tahun

DI ANTARA (Nama Ketua Penyelidik).....

(No. Kad Pengenalan :) yang beralamat di

.....

dan (Nama penyelidik 2)

No.Kad Pengenalan: yang beralamat di

.....

dan (Nama penyelidik 3)

No.Kad Pengenalan: yang beralamat di

.....

dan (Nama penyelidik 4)

No.Kad Pengenalan: yang beralamat di

.....

dan (Nama penyelidik 5)

No.Kad Pengenalan: yang beralamat di

.....

dan penyelidik-penyelidik lain seperti yang tersenarai dalam Lampiran (A) jika ada (selepas daripada ini setiap penama di atas disebut sebagai “Penyelidik”) bagi satu pihak DAN (nama pegawai USAS):

(No.Kad Pengenalan):..... mewakili Universiti Sultan Azlan Shah yang beralamat di Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan (selepas daripada ini disebut sebagai “Universiti”) bagi satu pihak yang lain.

BAHAWASANYA Penyelidik adalah individu atau kumpulan dalam kawalan pihak pengurusan Universiti Sultan Azlan Shah, dan Universiti Sultan Azlan Shah adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Seksyen 8 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 pada 01/01/2006 yang beralamat di Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan

BAHAWASANYA perkara-perkara berikut membawa maksud seperti ternyata:

- “Dekan” merangkumi ketua sesebuah fakulti, institusi, sekolah atau pusat pengajian, akademi atau bahagian.
- “Kaedah dan Peraturan Penyelidikan” membawa maksud suatu garis panduan yang merangkumi kaedah-kaedah pengurusan penyelidikan serta perkara-perkara yang menyentuh Polisi Harta Intelek Universiti.
- “Naib Canselor” membawa maksud Naib Canselor Universiti Sultan Azlan Shah.
- “Penaja” membawa maksud pihak luar yang membiayai sesuatu penyelidikan.
- “Penyelidik” membawa maksud pensyarah, pelawat akademik, pelajar atau pegawai universiti yang terlibat dalam penyelidikan.
- “Universiti” membawa maksud Universiti Sultan Azlan Shah.
- “Urusetia” membawa maksud Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan.

BAHAWASANYA perjanjian ini hendaklah dibaca bersama dokumen, Kaedah dan Peraturan Penyelidikan, Polisi dan Perlindungan Harta Intelek dan arahan-arahan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak Universiti.

BAHAWASANYA Penyelidik telah diluluskan dan diberi satu peruntukan kewangan berjumlah RM..... [(dengan perkataan)] daripada peruntukan Universiti atau dana lain (nyatakan) (selepas ini disebut sebagai “Peruntukan Kewangan tersebut”) untuk menjalankan satu penyelidikan dengan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.

Adalah dengan ini ini diakui dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak seperti berikut :-

1. PENYELIDIKAN

- 1.1 Penyelidikan yang diluluskan bertajuk
.....
selepas daripada ini disebut sebagai “Penyelidikan tersebut”).
- 1.2 Jangka masa Penyelidikan adalah selama
(selepas ini disebut sebagai “Tempoh Penyelidikan tersebut”). Tempoh Penyelidikan tersebut bermula daripada tarikh surat perjanjian ini ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

2. JADUAL BAYARAN

- 2.1 Peruntukan Kewangan tersebut hendaklah dibayar kepada Ketua Penyelidik dengan cara ansuran berdasarkan kepada masa dan cara yang ditetapkan di dalam Lampiran (B), di mana bayaran pertama bagi Penyelidikan tersebut akan diberikan selepas Perjanjian ini ditandatangani.
- 2.2 Setiap notis tuntutan bayaran ansuran daripada Ketua Penyelidik sepertimana disebut di dalam Lampiran (B) yang memohon bayaran hendaklah disokong dengan satu perakuan yang ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti atau pegawai yang diberi kuasa berbuat demikian.

3. TANGGUNGJAWAB PENYELIDIK

- 3.1 Penyelidik hendaklah memulakan Penyelidikan tersebut sebaik sahaja Perjanjian ini ditandatangani atau dalam tempoh masa yang munasabah bagi Perjanjian dengan pihak luar sekiranya Penyelidikan tersebut melibatkan kerjasama pihak luar.
- 3.2 Penyelidik hendaklah mengemukakan laporan kemajuan Penyelidikan tersebut di dalam mana-mana tempoh yang berkenaan seperti di bawah:-
- 3.3 Penyelidik hendaklah mengemukakan laporan kemajuan Penyelidikan tersebut mengikut tempoh sebagaimana berikut:-
 - 3.3.1 Penyelidik hendaklah mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan kali pertama kepada Urusetia melalui JPF selepas enam (6) bulan dari tarikh surat kelulusan penyelidikan.
 - 3.3.2 Laporan kemajuan penyelidikan yang berikutnya hendaklah dikemukakan kepada Urusetia melalui JPF pada setiap enam (6) bulan.
 - 3.3.3 Dua (2) salinan dokumen laporan akhir yang dijilid hendaklah dimajukan kepada Urusetia melalui JPF untuk dibawa ke JPP tidak lebih dari tiga (3) bulan selepas tamat tempoh penyelidikan tersebut mengikut format yang telah disediakan. Borang laporan akhir penyelidikan yang telah diperakukan oleh JPF hendaklah juga disertakan.

- 3.4 Laporan akhir hendaklah dikemukakan melalui Dekan masing-masing dengan menggunakan borang yang berkaitan kepada Urusetia dalam tempoh yang ditetapkan.
- 3.5 Semua harta yang dibeli dengan kelulusan dan pembiayaan oleh mana-mana pihak untuk Penyelidikan tersebut adalah menjadi hak milik Universiti.
- 3.6 Penyelidik boleh menarik diri dari sesuatu penyelidikan pada bila-bila masa dengan memberi notis 30 hari secara bertulis kepada Ketua Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan, USAS.

4. PENILAIAN DAN PENGGANTUNGAN PENYELIDIKAN

- 4.1 Universiti berhak pada bila-bila masa membuat penilaian ke atas mana-mana penyelidikan yang dibuat oleh Penyelidik.
- 4.2 Sekiranya Penyelidik gagal memulakan penyelidikan selepas tiga (3) bulan setelah Perjanjian ini ditandatangani tanpa sebab yang munasabah. Universiti berhak mengemukakan surat tunjuk sebab kepada penyelidik menuntut sebab mengapa perjanjian ini tidak patut ditamatkan. Apabila perjanjian ini ditamatkan, perjanjian ini dianggap terbatal dengan sendirinya dan segala peruntukan kewangan, harta dan lain-lain di dalam Perjanjian ini akan ditarik balik.
- 4.3 Universiti berhak menggantung dan/atau memberhentikan mana-mana Penyelidikan, dan menarik balik segala peruntukan kewangan, harta dan lain-lain sekiranya Penyelidik gagal menyediakan laporan kemajuan penyelidikan tanpa sebarang sebab yang munasabah.
- 4.4 Penggantungan dan/atau pemberhentian Penyelidikan tersebut, atau penarikan balik segala peruntukan kewangan, harta dan lain-lain hendaklah dibuat secara bertulis kepada Penyelidik dan dianggap sempurna penyampaiannya melalui surat pos berdaftar atau serahan sendiri.
- 4.5 Penyelidik diberi tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh notis dianggap terima di bawah Perkara 4.4, untuk membuat rayuan secara bertulis kepada pihak Universiti melalui Dekan masing-masing.

- 4.6 Segala keputusan yang dibuat oleh Universiti mengenai rayuan di bawah Perkara 4.5 adalah dianggap muktamad dan mengikat pihak-pihak di dalam Perjanjian ini.

5. TUNTUTAN SEMULA WANG YANG TELAH DIBELANJAKAN

- 5.1 Universiti berhak membatalkan Perjanjian ini dan menuntut semula sepenuhnya segala bantuan kewangan, harta dan lain-lain yang telah dibelanjakan oleh Penyelidik dengan memberi notis secara bertulis kepada Penyelidik sekiranya:
- 5.1.1 Laporan kemajuan Penyelidikan tersebut yang dikemukakan didapati tidak memuaskan dengan syarat pihak Universiti hendaklah mengemukakan sebab-sebab munasabah bagi perkara-perkara yang dianggap tidak memuaskan tersebut dan Penyelidik diberi peluang mengemukakan laporan kemajuan yang baru dalam tempoh masa munasabah pada pandangan Universiti;
 - 5.1.2 Laporan akhir Penyelidikan tersebut tidak diserahkan oleh Penyelidik selepas tiga(3) bulan daripada Tempoh Penyelidikan tersebut tamat tanpa sebarang sebab yang munasabah;
 - 5.1.3 Penyelidik memberhentikan Penyelidikan tersebut tanpa sebab-sebab yang munasabah atau sengaja memberhentikannya tanpa memberi apa-apa laporan atau gagal memberi laporan yang memuaskan;
 - 5.1.4 Peruntukan Kewangan bagi tujuan Penyelidikan tersebut telah disalahgunakan oleh Penyelidik; dan
 - 5.1.5 Penyelidik telah menarik diri tanpa sebab yang munasabah dan/atau kelulusan Universiti.
- 5.2 Apabila tamat tempoh empat belas(14) hari daripada tarikh notis dalam Perkara 5.1 di atas, adalah menjadi sah kepada pihak Universiti untuk mendapatkan bayaran balik melalui cara yang diperuntukkan dalam Perkara 6 Perjanjian ini.

6. TUNTUTAN BALIK WANG BANTUAN DARIPADA PENYELIDIK

- 6.1 Penyelidik memberikan persetujuan kepada Universiti sebagai majikan supaya tuntutan balik segala bantuan kewangan yang dinyatakan dalam Perkara 5.1 dan 5.2 di atas dibuat melalui potongan gaji.

6.2 Sekiranya Penyelidik berhenti sebagai kakitangan Universiti, di atas apa-apa sebab sekalipun, tuntutan balik segala bantuan kewangan tersebut adalah menjadi hutang yang wajib dibayar oleh Penyelidik, dan boleh dituntut oleh pihak Universiti di mahkamah.

7. TINDAKAN TATATERTIB

Universiti berhak mengambil tindakan tatatertib ke atas Penyelidik yang melanggar Perjanjian ini.

8. KELONGGARAN

Sebarang kelonggaran yang diberikan oleh Universiti kepada Penyelidik tidak boleh ditafsirkan sebagai melepaskan atau menjejaskan hak-hak Universiti yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

9. LAMPIRAN

Lampiran (A) dan Lampiran (B) kepada Perjanjian ini dan surat kelulusan Penyelidikan tersebut hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

10. UNDANG-UNDANG TERPAKAI

Perjanjian ini terikat kepada undang-undang yang terpakai di Malaysia.

11. MASA

Sebarang tempoh masa yang disebut dalam Perjanjian ini hendaklah dipatuhi oleh kedua-dua pihak.

12. NOTIS

Tanpa prejudis kepada mana-mana Perkara dalam Perjanjian ini, sebarang notis atau tuntutan dianggap sempurna penyampaiannya melalui serahan sendiri, atau pos berdaftar.

SEBAGAI MENYAKSIKAN HAL DI ATAS maka pihak-pihak yang tersebut dalam PERJANJIAN ini telah menurunkan disini tandatangan-tandatangan mereka pada tarikh yang tertulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH : }
 }
 }
NAMA PENYELIDIK 1 } TANDATANGAN PENYELIDIK 1
No. Kad Pengenalan:)

Sebagai PENYELIDIK dan disaksikan di hadapan :-

}
 }
Nama dan Cop Saksi } TANDATANGAN SAKSI

DITANDATANGANI OLEH : }
 }
 }
NAMA PENYELIDIK 2 } TANDATANGAN PENYELIDIK 2
No. Kad Pengenalan:)

Sebagai PENYELIDIK dan disaksikan di hadapan :-

}
 }
 }
Nama dan Cop Saksi } TANDATANGAN SAKSI

DITANDATANGANI OLEH : }
 }
 }
NAMA PENYELIDIK 3 } TANDATANGAN PENYELIDIK 3
No. Kad Pengenalan:)
 }

Sebagai PENYELIDIK dan disaksikan di hadapan :-

..... }
Nama dan Cop Saksi } TANDATANGAN SAKSI

DITANDATANGANI OLEH : }
}

..... }
NAMA PENYELIDIK 4 } TANDATANGAN PENYELIDIK 4
No. Kad Pengenalan:)
}

Sebagai PENYELIDIK dan disaksikan di hadapan :-

..... }
Nama dan Cop Saksi } TANDATANGAN SAKSI

DITANDATANGANI OLEH : }
}

..... }
NAMA PENYELIDIK 5 } TANDATANGAN PENYELIDIK 4
No. Kad Pengenalan:)
}

Sebagai PENYELIDIK dan disaksikan di hadapan :-

..... }
Nama dan Cop Saksi } TANDATANGAN SAKSI

DITANDATANGANI OLEH : }
}

..... }
Untuk dan bagi pihak } TANDATANGAN PEGAWAI BAGI PIHAK
UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH } UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH
Dan disaksikan di hadapan }
}

..... }
Nama dan Cop Saksi } TANDATANGAN SAKSI

LAMPIRAN (A)

SENARAI NAMA LAIN-LAIN AHLI DALAM PROJEK PENYELIDIKAN

BERTAJUK.....
.....

Bahawasanya saya/kami menurunkan tandatangan pada tarikh seperti tercatat di atas dan bersetuju dengan semua perkara-perkara yang dinyatakan dalam perjanjian ini.

| Bil. | Nama Penyelidik | No. Kad Pengenalan | Tandatangan |
|------|-----------------|--------------------|-------------|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

Nama Saksi:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Tarikh:.....

.....

Tandatangan dan Cop Saksi

LAMPIRAN (B)

JADUAL BAYARAN PERUNTUKAN KEWANGAN

| Ansuran-ansuran kena dibayar | Peratus (%) |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|
| 1. Apabila Perjanjian ini selesai ditandatangani | 10 |
| 2. Persediaan pengumpulan data: <ul style="list-style-type: none">• Tinjauan awal• Kajian perpustakaan• Penyediaan soal selidik• Pengujian (piloting) soal selidik | 20 |
| 3. Pengumpulan data | 40 |
| 4. Analisis data | 10 |
| 5. Penyediaan dan penyerahan laporan kajian | 15 |
| 6. Universiti berpuashati dengan laporan kajian yang diserahkan | 05 |

CATATAN :

A) Penggunaan Borang

Penyelidik mesti menggunakan Borang Panjar Penyelidikan yang disediakan oleh Pejabat Bendahari.

B) Bayaran Peringkat 1.

Penyelidik hendaklah mengemukakan perincian perbelanjaan dengan menyertakan resit/bil tuntutan sebelum tuntutan kedua dikeluarkan. Sila dapatkan pengesahan Dekan/ Ketua Jabatan.

C) Bayaran Peringkat 2 hingga 6.

Penyelidik hendaklah mengemukakan perincian perbelanjaan dengan menyertakan resit / bil tuntutan semasa atau sebelum tuntutan berikutnya dikeluarkan. Sila dapatkan pengesahan Dekan/ Ketua Jabatan.